

Kukuhkan hubungan, tarik pelabur

LAWATAN rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Berlin, Jerman bakal membuka peluang untuk Malaysia mengukuhkan lagi hubungan dan meneroka bentuk kerjasama baharu selain membawa masuk lebih banyak pelabur dari negara tersebut.

Perdana Menteri melakukan lawatan selama lima hari itu selepas menerima jemputan daripada kerajaan Jerman.

Turut sama menyertai Perdana Menteri ke Jerman ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri. Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pembangunan Usahawan



dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick dan Duta Besar Malaysia ke Jerman. Datin Dr. Adina Kamarudin.

■ ANWAR Ibrahim tiba di Berlin bagi memulakan lawatan rasmi lima hari atas jemputan kerajaan

Jerman, Mengiringinya ialah Mohamad Hasan (kiri) dan Adina Kamarudin. - JABATAN PERDANA MENTERI